

No. Ruj. : USM. 10/4/1 JLD. III
Tarikh : 24 Ogos 2026
Kepada : Semua Staf Kumpulan Pengurusan & Profesional
(bukan akademik) dan Kumpulan Pelaksana
Universiti Sains Malaysia

Memorandum

Bangunan Canselori
(Chancellory Building)
11800 USM
Pulau Pinang, Malaysia
Tel : 04-6533888
www.usm.my

HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 49 TAHUN 2026 - PENCALONAN ANUGERAH PENTADBIR SANJUNGAN 2025

Sukacita dimaklumkan bahawa Universiti Sains Malaysia (USM) telah memperkenalkan Anugerah Pentadbir Sanjungan pada setiap tahun bagi memberi pengiktirafan dan sanjungan kepada warga USM yang telah menunjukkan pencapaian tertinggi dan sangat cemerlang (outstanding) yang holistik merangkumi kesemua aspek dalam bidang pengurusan dan pentadbiran, hasil sumbangan menerusi kreativiti dan inovasi dalam urusan pekerjaan yang melangkaui kebiasaan serta mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang dinamik dan memiliki perwatakan terbilang.

2. Untuk makluman tuan/puan, Anugerah Pentadbir Sanjungan ini terbuka kepada semua staf Kumpulan Pengurusan & Profesional (bukan akademik) dan Kumpulan Pelaksana yang merangkumi semua kumpulan perkhidmatan yang sedia ada di universiti sama ada di peringkat Unit, Bahagian atau Jabatan.

3. Sehubungan dengan ini, dengan penuh takzim pihak Universiti ingin mempelawa staf yang berkeelayakan dan memenuhi syarat untuk memohon Anugerah Pentadbir Sanjungan 2025 secara sendiri. Pencalonan juga boleh dibuat oleh Ketua Jabatan bagi staf di Pusat Tanggungjawab masing-masing atau staf juga boleh mencalonkan staf lain yang berkeelayakan.


4. Permohonan dan pencalonan dibuka secara atas talian dari **24 Ogos 2026 hingga 7 September 2026** di pautan <https://pentadbirsanjungan.usm.my>.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD AZIZUDIN BIN MOHD SHARIFF)

Pendaftar

Selaku Pengerusi

Jawatankuasa Pemilihan Anugerah Pentadbir Sanjungan

s.k. Naib Canselor

Tel : (6)04-653 6084/6076/6079 | E-mel : azizudin@usm.my | Web : registry.usm.my

